

## **Masalah Disiplin**

Azizi Yahaya & Mohamad Hasan Omar  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Artikel ini membincangkan masalah disiplin di sekolah yang telah menjadi isu masyarakat yang sering dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Kejadian melanggar disiplin sekolah ini turut mempengaruhi keputusan akademik pelajar.

*Katakunci :* masalah disiplin

### **Masalah Disiplin**

Masalah pelanggaran disiplin di sekolah merupakan isu masyarakat yang tidak henti-henti dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Kejadian melanggar disiplin di sekolah-sekolah itu bukanlah merupakan perkara-perkara baru berlaku tetapi telah wujud lebih dahulu daripada sistem pendidikan. Bertambahnya pelanggaran disiplin di kalangan pelajar telah menimbulkan pertanyaan umum tentang keberkesanan segala dasar dan peraturan yang digunakan untuk peningkatan dan pengukuhan disiplin di sekolah.

Suasana persekolahan dan hubungannya dengan kegiatan ponteng banyak menarik perhatian para pengkaji. Masalah ini boleh ditinjau dalam tiga aspek iaitu di kalangan individu, sekolah dan masyarakat. Walaupun kajian mengenai masalah ini menarik minat ramai para pengkaji tetapi kebanyakan bersifat empiris sahaja. Kesukaran memperolehi maklumat yang tepat adalah kerana guru-guru yang mengajar sengaja melindungi murid-murid daripada disenaraikan sebagai murid- murid ponteng (Ahmad Hj. Salleh, 1980).

Unit Disiplin Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1973) mendapati masalah ponteng sekolah mencakupi sebahagian besar salah laku yang dilakukan oleh golongan remaja yang tentunya di bangku sekolah (Hussein Mahmood, 1993). Masalah itu ditimbulkan oleh sebilangan remaja yang merangkumi 1.05% dari jumlah 4,267,261 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 0.67% dikenali sebagai ponteng sekolah dan 0.48% lagi adalah ponteng kelas.

Berdasarkan tinjauan yang dikemukakan oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolahsekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) ialah faktor-faktor penyumbang yang menggalakkan salah laku pelajar ialah sikap pelajar, sikap ibu bapa, mata pelajaran yang tidak diminati, penyampaian guru yang membosankan, sikap guru, sistem persekolahan yang ketat dan pengaruh rakan sebaya (Hussein Mahmood, 1993)

Dapatan kajian ini menunjukkan permasalahan ponteng ini banyak melibatkan pelajar keturunan Melayu yang merangkumi 60%. Masalah ponteng ini paling ketara di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang bersekolah di tengah-tengah pusat bandar. Di antara tempat-tempat yang menjadi tumpuan murid-murid ponteng ialah pusat membeli belah, siber cefe, pusat permainan video komputer dan video, manakala ponteng kelas pula ialah seperti perpustakaan, bilik kaunseling, tandas, kawasan sekolah dan kantin sekolah.

Salleh B. Majid (1997) dalam artikelnya “Jangan Salahkan Remaja Sahaja” menjelaskan bahawa masalah ponteng yang sering dilakukan oleh golongan remaja bukan sahaja menyebabkan beberapa kesan kepada pelajar itu sendiri bahkan membawa ia turut juga membawa implikasi kepada pelajar tercicir, pelajar terganggu, tindak balas negatif pelajar, kekeliruan nilai dan matlamat hidup, masa depan yang tidak menentu dan melahirkan masyarakat yang tidak berkualiti. Menurut beliau bahawa masalah ponteng merupakan satu masalah rutin yang dialami oleh semua sekolah di seluruh negara. Terdapat pelbagai strategi untuk mengatasinya, antaranya ialah pelaksanaan undang-undang persekolahan haruslah selaras dengan kongruen dengan tingkah laku semua pihak. Keserasian hubungan ibu bapa dan guru-guru haruslah disemai dengan memahami peranan masing-masing. Sekolah haruslah mempromosikan kerjasama dengan pihak awam dalam bentuk memenuhi keperluan semasa. Seterusnya sekolah, ibu bapa dan masyarakat harus berkerjasama memikirkan apa dan bagaimana bentuk motivasi yang relevan serta utama untuk dipupukkan ke dalam diri dan kehidupan para pelajar berdasarkan demografi sosial dan budaya komuniti yang bermakna.

Menurut Skinner (1953) bahawa pelajar yang di bawah kecerdasan sering menimbulkan masalah disiplin dan salah laku di dalam kelas dan akan berterusan. Burt (1969) dalam kajiannya mendapati ada guru yang menganggap mengajar pelajar kelas bawahan sebagai tidak memberi faedah kerana mereka mempunyai motivasi yang rendah. Pelajar-pelajar seolah-olah mahu dikawal dan pada masa yang sama mempunyai sifat suka bermain-main seperti sengaja menimbulkan tingkah laku agresif agar orang menjauhkan diri daripada mereka.

Ruhana Zubir (1976) melaporkan dalam kajian beliau mengenai persepsi guruguru terhadap masalah remaja ialah terdapat perbezaan yang bererti di antara pendapat murid-murid dan guru-guru terhadap terhadap masalah murid di sekolah-sekolah yang mempunyai kedudukan rendah. Guru-guru berpendapat bahawa murid-murid di kedua-dua buah sekolah (kedudukan tinggi dan rendah) banyak mempunyai masalah emosi yang lahir dari keadaan rumah tangga dan keluarga. Masalah disiplin boleh timbul disebabkan guru kurang memahami kedudukan sebenar keadaan murid-muridnya dan guru tidak memperlihatkan sifat membuat akomodasi untuk membentuk “rapport” yang diperlukan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Dalam kajian Ch'ng Chwee Lye (1976) menunjukkan remaja yang nakal mempunyai konsep sendiri yang rendah daripada remaja yang tidak nakal. Kegagalan remaja ini dalam mendapat penerimaan sosial dari rakan sebaya membawa padah iaitu kekurangan rasa disayangi dan dipunyai. Akibatnya remaja nakal ini tidak rasa hormat pada dirinya lalu membentuk tembok komunikasi dengan masyarakat. Justeru itu mendorongnya menjadi introvert, kelainan dan sentiasa bergantung.

Budaya lepak merupakan salah laku yang melanda golongan remaja seluruh negara. Isu budaya lepak melibatkan pelajar-pelajar sekolah yang sering didapati mengunjungi kompleks membeli belah dan tempat awam lain sewaktu, sebelum atau setelah pulang dari sekolah sama ada pada waktu siang atau malam (Samsudin dan Iran, 1993).

Oldenberg dan Brissett (19870) menyatakan bahawa lepak bukanlah isu yang baru kerana dalam abad yang ke-18 di England, ramai warga yang hidupnya mudah dengan melepak iaitu menghabiskan banyak masa lapang di kedai-kedai kopi dan berbual-bual kosong sambil minum.

Pada tahun 1993 Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama beberapa buah universiti tempatan telah membuat kajian tentang melepak di kalangan remaja. Kajian menunjukkan 48% aktiviti melepak tertumpu di pusat-pusat membeli belah. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, faktor-faktor yang menyebabkan remaja banyak melepak boleh dikategorikan sebagai faktor-faktor tarikan, tolakan dan remaja itu sendiri. (Samsudin A.Rahim dan Iran Herman, Kementerian Belia dan Sukan, 1993).

Antara faktor tarikan adalah tempat awam yang dikunjungi menyediakan beraneka hiburan (54%), suasana di tempat tersebut nyaman, selesa dan sesuai untuk berehat (53%), tempat yang dikunjungi itu ada "kelas" (34). Sejumlah 73% menyatakan mereka melepak di sesuatu tempat berkenaan kerana mereka mudah bertemu dengan rakan-rakan mereka.

Kajian itu juga mendapati nilai remaja juga menjadi penyumbang kepada kegiatan melepak. Sebanyak 52% responden menyatakan bahawa mereka melepak kerana ingin menghilangkan kerungsingan yang sedang mereka hadapi. Sebanyak 32% responden bersetuju bahawa kegiatan melepak ditempat awam adalah membuang masa. Ini menunjukkan bahawa 68% lagi menganggap kegiatan melepak bukan sesuatu perbuatan membuang masa. Sebanyak 47% remaja sedar bahawa ketika melepak mereka sering mengabaikan suruhan agama seperti sembahyang. Rumusan dari kajian tersebut menunjukkan tingkah laku melepak ini adalah didorong oleh pelbagai faktor yang saling berkaitan anatra satu sama lain. (Samsudin A.Rahim dan Iran Herman, 1993) .

## **Rujukan**

- Ahmad Hj. Salleh (1980). *Disiplin Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur : DBP
- Salleh B. Majid (1997). *Jangan Salahkan Remaja*. Utusan Malaysia. Isnin, Jun 1997.
- Skinner, B.F. (1938). *The Behaviourism of Organism*. New York : Appleton Century Crofts.
- Rozumah Bahrudin (21.8.2001). *Keluarga Pengaruhi Prestasi Akademik Pelajar*. Berita Harian, m.s 16.
- Ch'ng Chwee Lye (1976). *A Comparative Study of The Self Concept of Delinquent and Non-Delinquent Adolescents*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan, Jld. VI Oktober 1976.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman (1993). *Budaya Lepak : Satu Kajian Awal di Bandaraya Kuala Lumpur*. Laporan Kajian Untuk Kementerian Belia dan Sukan.
- Oldenberg, R. dan Brissett, D. (1980). *The Essential Hangout Psychology Today*.